

**2.2 KERTAS KERJA BIL. 2/2015 - CADANGAN PENAWARAN  
PROGRAM IJAZAH SARJANA SAINS (SAINS KOREKSIONAL)  
SECARA KERJA KURSUS MULAI SESI AKADEMIK FEBRUARI  
2014/2015**

Mesyuarat

i. mengambil maklum:

- a) tentang kertas kerja daripada Pusat Pengajian Pembangunan Sosial untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat mengenai cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Sains (Sains Koreksional) secara kerja kursus mulai Sesi Akademik Februari 2014/2015 seperti yang dibentangkan;
- b) bahawa pada 2 Januari 2006, Jabatan Penjara Malaysia secara rasminya telah memohon agar diwujudkan Program Diploma Siswazah Sains Koreksional (DSSK) untuk Jabatan Penjara Malaysia. Program Diploma Siswazah Sains Koreksional (DSSK) telah bermula pada semester Februari 2008;
- c) bahawa lanjutan dari program ini, pihak penjara juga berharap agar program ini akan dipanjangkan kepada peringkat Sarjana bagi pelajar yang berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang tersebut. Program ini juga telah diminta oleh beberapa agensi pemulihan yang lain seperti AADK, JKM, LPPKN dan DBKL;
- d) bahawa buat masa ini tiada program Pasca Siswazah yang sesuai dan yang khusus untuk rawatan dan pemulihan di penjara dan institusi pemulihan lain yang ditawarkan oleh universiti tempatan;
- e) bahawa satu jawatankuasa telah dibentuk bagi merangka kertas cadangan *MSc.(Correctional Science)* yang mana kandungan program telah dibincangkan bersama dengan pegawai Jabatan Penjara Malaysia;
- f) bahawa program *MSc.(Correctional Science)* ini telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti (JKPA)/ Jawatankuasa Ijazah Lanjutan Universiti (JIL) Kali Ke-172 Bil. 4/2013 bertarikh 27 Julai 2013;

- g) bahawa Pusat Pengajian Pembangunan Sosial (SSD) telah membuat permohonan rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 22 Januari 2014 untuk tujuan menawarkan program *MSc.(Correctional Science)*. Susulan dari ini, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengeluarkan surat perakuan memenuhi keperluan kualiti untuk tujuan penawaran program bertarikh 22 September 2014 (rujuk Lampiran dalam portal Mesyuarat Senat);
- i) bahawa butiran penuh perakuan MQA ke atas program *MSc.(Correctional Science)* (No. Rujukan Program MQA/PA 4825) dan syarat kelayakan masuk adalah seperti di Lampiran dalam portal Mesyuarat Senat;
- j) bahawa permohonan untuk penambahan jabatan baharu di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, iaitu Jabatan Kaunseling & Koreksional kepada Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah dibuat melalui surat pusat pengajian ini yang bertarikh 4 Ogos 2014;
- k) bahawa justifikasi penawaran adalah seperti berikut:
1. Pada masa kini, UUM adalah satu-satunya universiti di Malaysia menawarkan program koreksional di peringkat Diploma Siswazah Sains Koreksional (DSSK) kepada agensi-agensi pemulihan dari dalam dan luar negara.
  2. Sehingga kini, UUM telah melahirkan sejumlah 120 graduan dalam bidang koreksional melalui program DSSK yang mula ditawarkan kepada Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) pada tahun 2010. Penawaran program *MSc.(Correctional Science)*, dijangka akan meningkatkan jumlah pelajar Pascasiswazah SSD kepada 30 pelajar bagi setiap sesi akademik sejajar dengan hasrat UUM untuk mencapai status Universiti Penyelidikan dan Universiti Pengurusan Terkemuka.
  3. Melahirkan tenaga mahir dan terlatih dalam bidang koreksional di Malaysia, meningkatkan jaringan kerjasama dengan agensi luar yang terlibat memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan juga memperkasakan aktiviti penyelidikan dan perundingan.
- l) bahawa cadangan penambahbaikan dan pemurnian yang telah dibuat oleh Pusat Pengajian SSD bagi memenuhi perakuan memenuhi keperluan kualiti untuk akreditasi sementara MQA adalah seperti berikut:

<b>Makluman MQA</b>	<b>Tindakan Penambahbaikan/ Cadangan Daripada SSD</b>
1. Kelayakan Masuk (Syarat Universiti dan Syarat Keperluan Bahasa Inggeris)	Telah memenuhi Syarat Kelayakan Masuk seperti yang ditetapkan MQA.
2. Syarat-syarat Umum	SSD akan menanggung semua kos bagi urusan penilaian semula syarat-syarat khusus dipatuhi sepenuhnya oleh PPT
3. Syarat-Syarat Khusus	<p>i. Telah mematuhi Pekeliling MQA Bil. 1/2013 – Penggunaan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran;</p> <p>ii. Student Learning Time (SLT) bagi kursus berikut telah dibuat pindaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) SSYX5996 Case Management in Correctional Science;</li> <li>b) SZRZ6014 Research Methodology</li> </ul>
4. Syarat-syarat Khusus	<p>iii. Objektif kursus SSKZ5896 <i>Project Paper</i> telah dipinda seperti berikut:</p> <p><i>By the end of this course students should be able to:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. define the different types of crimes in the community.</li> <li>2. explain criminal cases in a society based on theories of crime.</li> <li>3. identify the various criminal laws and its preventive measures.</li> <li>4. analyse recommended policies to judicial and justice bodies.</li> </ul> <p>iv. Cadangan lantikan penilai luar:</p> <p>Penilai Luar (Akademik)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Prof. Dr. Christopher Trotter (Monash University, Australia)</li> <li>2. Assoc. Prof. Dr. Rosemary Shehan (Monash Criminal Justice Consortium, Australia)</li> </ul>
5. Cadangan Penambahbaikan	Nama Kursus SSWP5003 telah ditukar kepada <i>Correctional Treatment for Offenders</i>

m) tentang pandangan:

1. supaya Pusat Pengajian Pembangunan Sosial memikirkan kemungkinan menawarkan pengkhususan/minor Sains Koreksional di peringkat Sarjana Muda selaras dengan penawaran program ini di peringkat Sarjana;

2. supaya pusat pengajian dapat mencadangkan perkataan lain yang lebih bersesuaian serta bersifat umum bagi menggantikan perkataan koreksional yang dilihat terlalu menjurus kepada calon-calon dari Jabatan Penjara Malaysia. Ini juga sebagai persediaan untuk UUM menawarkan program ini kepada calon-calon selain daripada pihak penjara;
  3. supaya pusat pengajian tidak terlalu terikat kepada penawaran kursus-kursus koreksional yang dikhuluskan kepada jenayah fizikal semata-mata. Pada masa hadapan kursus-kursus yang bersifat koreksional/pemulihan dari aspek ideologi dan fahaman agama juga perlu ditawarkan;
  4. sekiranya cadangan (3) di atas dapat dilaksanakan, program ini dapat ditawarkan kepada pihak lain seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya. Untuk waktu terdekat Pusat Pengajian disarankan dapat menawarkan kursus-kursus berkaitan untuk dijadikan salah satu dari bidang tumpuan.
  5. bahawa program ini hanya boleh ditawarkan selepas dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT). Penawaran program ini bagi ambilan Semester Kedua Sesi 2014/2015 ditangguhkan sehingga kelulusan diperolehi.
- ii. bersetuju
- a) dengan pandangan-pandangan yang diberikan pada i [m (1 hingga 5) di atas untuk dilaksanakan;
  - b) menerima dan meluluskan kertas cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Sains (Sains Koreksional) secara kerja kursus seperti yang dibentangkan.
- 2.3 KERTAS KERJA BIL. 3/2015 - CADANGAN PERUBAHAN STRUKTUR MINOR BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN DENGAN KEPUJIAN (ISMP) PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN DAN BAHASA MODEN**
- Mesyuarat
- i. mengambil maklum:

Dekan Pusat  
Pengajian  
Pembangunan  
Sosial

- a) tentang kertas kerja daripada Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat mengenai cadangan perubahan struktur minor bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (ISMP) seperti yang dibentangkan;
- b) bahawa kurikulum bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang telah disemak telah diluluskan oleh Senat dalam Mesyuarat Senat Khas Bil. 2/2010 pada 30 Ogos 2010 dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuarat yang Ke-70 (Bil. 6/2010) pada 30 November 2010;
- c) bahawa pelaksanaan struktur baru bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (ISMP) telah dimulai pada Semester Pertama (A121) Sesi 2012/2013;
- d) bahawa program struktur baru ISMP yang ditawarkan oleh UUM adalah mengikut minor yang telah ditetapkan iaitu:

NAMA IJAZAH	KOD KPT	KOD UUM	MINOR
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Perakaunan)	UT08	U9A	Matematik TESL Teknologi Maklumat
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Teknologi Maklumat)	UT20	U9B	Matematik TESL Pendidikan Moral
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengurusan Perniagaan)	UT21	U9C	Matematik TESL Teknologi Maklumat
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pendidikan Moral)	UT41	-	Pendidikan Sivik & Kewarganegaraan Bahasa Melayu Pendidikan Sejarah Pendidikan Islam
Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Bimbingan dan Kaunseling)	UT04	-	Pendidikan Moral Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

- e) bahawa kertas kerja ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pusat Pengajian SEML secara edaran pada 21 Oktober 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Kolej UUM CAS pada 30 Oktober 2014 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti Ke-182 Bil. 7/2014 pada 17 Disember 2014;